

Pasdec yakin jana untung berganda

KUALA LUMPUR 28 Nov. - Pemaju hartanah Pasdec Holdings Bhd. (Pasdec) menyasarkan peningkatan keuntungan bersih sebanyak sekali ganda kepada RM12 juta bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember tahun depan.

Pengarah Urusan Pasdec, Yusof Ali Mohamed Zain berkata, keyakinan itu berdasarkan prospek kenaikan jualan tiga buah projek pembangunan hartanah kediaman bernilai RM1.4 bilion yang akan dimulakan pada tahun 2007.

Projek-projek itu adalah pembangunan Bandar Damansara, Bandar Putra dan Bandar Gebeng yang terletak di Kuantan.

"Dengan disokong oleh anggaran pertumbuhan ekonomi negeri Pahang sekitar enam peratus tahun depan, kami mengunjurkan jualan lebih 3,000 kediaman pada separuh pertama," kata beliau pada taklimat khas Pasdec di sini, hari ini.

Taklimat khas yang dihadiri oleh Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob bertujuan mengumumkan kejayaan penerbitan bon boleh tukar Rainbow yang bakal meraih perolehan RM150 juta.

Penerbitan bon Rainbow yang pertama kali dilakukan di negara ini dilakukan dalam dua siri iaitu RM15 juta yang bertempoh matang lima tahun dan boleh ditukar dengan 4.79 juta saham milik Road Builder (M) Holdings Bhd.

Siri kedua bon itu pula melibatkan tawaran sejumlah RM135 juta, matang dalam tujuh tahun dan boleh ditukar dengan 40.78 juta saham YTL Cement Bhd.

Selain membolehkan Pasdec mengurangkan hutangnya sebanyak RM70 juta, perolehan daripada penerbitan bon itu juga akan dijadikan modal pusingan tiga projek pembangunan hartanah kediaman syarikat itu.

Syarikat itu, anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNB), telah meraih keuntungan bersih lebih RM6 juta pada tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember lalu di atas perolehan RM72 juta.

Pasdec sebelum ini pernah menerbitkan bon dijamin oleh Kerajaan Negeri Pahang (SGGB) berjumlah RM510 juta untuk menyelesaikan hutang beberapa anak syarikatnya di bawah skim penstrukturan semula hutang.